

22/07/1998

Ibu kota semakin bersih

Mohd Fadzil Abd Aziz

KUALA LUMPUR, Selasa - Ibu kota semakin bersih disebabkan tahap kesedaran warga kota meningkat berikutan kempen dan penguatkuasaan berterusan yang dijalankan pihak berkuasa tempatan.

Tinjauan Berita Harian mendapati kawasan awam di pusat bandar raya yang dulunya kotor dan bersepeh dengan sampah sehingga mendapat teguran pemimpin negara dan pelancong kini bersih dan indah.

Kebersihan dan keindahan kawasan awam terbabit bukan saja menyejukkan mata memandang, malah meningkatkan imej ibu kota sebagai bandar raya bersih dan indah terutama menjelang Sukan Komanwel 1998 September ini.

Sebagai tuan rumah pesta sukan kedua terulung di dunia selepas Olimpik, rakyat negara ini khususnya warga kota perlu membantu menjaga kebersihan bukan saja bandar raya malah bandar utama di negara ini.

Pada Ogos tahun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota kerana ia bukan saja mencemarkan imej Malaysia, bahkan mengaibkan pemimpin negara.

Perdana Menteri menamakan Jalan Bukit Bintang sebagai kawasan paling kotor di ibu kota kerana sampah-sarap kelihatan di sepanjang jalan itu.

Menurut Dr Mahathir, beliau berasa malu dengan Presiden Pakistan, Mohamad Nawaz Shariff yang ketika itu melawat Jalan Bukit Bintang yang dikotori tin minuman dan sampah-sarap.

Bagaimanapun, keadaan kini berubah dan tinjauan akhbar ini mendapati beberapa kawasan, terutama sekitar laluan utama berada dalam keadaan bersih dan memuaskan dengan kawasan pejalan kaki dihiasi lampu yang menarik perhatian.

Kebanyakan warga kota yang ditemui memuji Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), jabatan dan agensi kerajaan yang bertungkus-lumus membersihkan dan memperindahkan bandar raya sebagai persediaan menghadapi Sukan Komanwel ke-XVII.

Peniaga, Zaki Hussein, 29, berkata kebersihan dan keindahan bandar raya perlu dikekalkan bagi mewujudkan suasana ceria yang berterusan untuk dinikmati penghuni kota dan pelancong asing.

"Semua pihak perlu bekerjasama untuk mengekalkan suasana bersih dan indah ini supaya ia terus dinikmati dan dikekalkan serta mampu bertahan untuk jangka masa yang lebih lama," katanya.

Pesara, Mohd Osman Iman, 50, pula berpendapat warga kota harus mengubah sikap supaya lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan bandar terutama menjelang temasya Sukan Komanwel, September ini.

Beliau kesal dengan sikap sesetengah warga kota yang tidak mementingkan kebersihan walaupun penguatkuasaan sudah dilaksanakan sepenuhnya.

"Saya masih tidak berpuas hati dengan tahap kebersihan bandar raya kerana masih banyak ruang yang perlu diperkemas kini dan dipertingkatkan lagi," katanya.

Menurutnya, sikap sesetengah warga kota masih di takuk lama iaitu tidak ingin mengubah sikap untuk menjaga kebersihan dan keindahan bandar raya demi kesejahteraan bersama.

"Kalau kebersihan tidak memuaskan, bagaimana kita mahu tunjukkan imej yang baik kepada negara lain khususnya pengunjung asing yang akan menyaksikan sukan kedua terbesar itu tidak lama lagi," katanya.

Pereka seni grafik, Vicki Eng, 24, berkata semua kawasan yang sering menyumbangkan kekotoran seperti di pasar basah dan gerai statik perlu dibersihkan segera.

Menurutnya, peniaga yang sering melakukan kekotoran perlu dikenakan tindakan undang-undang serta-merta kerana mereka menyusahkan orang lain dan menjejaskan imej bandar raya bersih dan indah.

"DBKL perlu mengambil tindakan lebih tegas terhadap peniaga yang sering melakukan kekotoran bagi memastikan persekitaran bandar raya bersih dan ceria tidak tercemar," katanya.

Selain itu, menurutnya, semua projek pembangunan infrastruktur perlu disiapkan segera bagi memastikan pemandangan persekitaran ibu kota indah dan bersih.

Kini, lebih 220,000 pokok ditanam di samping 340,000 pokok yang sedia ada di sekitar bandar raya dalam usaha menonjolkan kepada pelancong bahawa Kuala Lumpur adalah Bandaraya Dalam Taman.

Lebih RM80 juta diperuntukkan tahun ini bagi projek pengindahan dan lanskap bandar raya termasuk memasang lampu, memperindahkan kawasan taman, memperbaiki kemudahan awam serta membina kawasan pejalan kaki.

(END)